

**AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA
(PENGESAHAN PINDAAN KEDUA KEPADA
PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1977**

Tarikh Perkenan Diraja 26 Mei 1977

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 9 Jun 1977

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 184****AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA
(PENGESAHAN PINDAAN KEDUA KEPADA
PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1977**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kebenaran untuk mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang
4. Peluasan P.U. (A) 505/1969
5. Pindaan yang berbangkit kepada Akta 12
6. Pindaan yang berbangkit kepada Akta 519
7. Akta berhubungan dengan Akta 472 dan Akta 12

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 184

AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA (PENGESEHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1977

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa menurut Ketetapan No. 31-4 yang diterima pakai oleh Lembaga Pengelola Kumpulan Wang Antarabangsa pada 30 April 1976, dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

[10 Jun 1977]

MAKA INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Kedua kepada Perkara-Perkara Perjanjian) 1977.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“Akaun Pelaburan” ertinya Akaun Jabatan Am yang ditubuhkan di bawah subperenggan 6(f)(i) Perkara XII Perkara-Perkara Perjanjian, yang dalamnya sumber wang Kumpulan Wang yang digunakan untuk dan terhasil daripada pelaburan akan disimpan.

“Akaun Pembayaran Khas” ertinya Akaun Jabatan Am yang dalamnya keuntungan daripada jualan emas Kumpulan Wang hendaklah disimpan untuk digunakan mengikut peruntukan yang mengawal Akaun itu dalam seksyen 12 Perkara V dan Jadual B kepada Perkara-Perkara Perjanjian;

“Akaun Sumber Wang Am” ertinya Akaun Jabatan Am yang melaluinya Kumpulan Wang akan menjalankan semua perjalanan dan urusannya dengan menggunakan sumber wang am Kumpulan Wang;

“Jabatan Am” ertinya Akaun yang melaluinya Kumpulan Wang akan menjalankan semua perjalanan dan urusan lain yang dibenarkan oleh Perkara-Perkara Perjanjian;

“Jabatan Hak-Hak Pengeluaran Khas” ertinya Akaun yang melaluinya Kumpulan Wang akan menjalankan semua perjalanan dan urusan yang melibatkan Hak-Hak Pengeluaran Khas yang diperuntukkan di bawah Perkara XV Perkara-Perkara Perjanjian, kecuali perjalanan dan urusan menurut seksyen 2 Perkara XVII Perkara-Perkara Perjanjian;

“Kumpulan Wang Antarabangsa” (kemudian daripada ini disebut “Kumpulan Wang”) ertinya Kumpulan Wang Antarabangsa yang Malaysia adalah menjadi ahli menurut kuasa seksyen 3 Akta Perjanjian Bretton Woods 1957 [*Akta 472*];

“Perkara-Perkara Perjanjian” ertinya Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang tersebut sebagaimana dipinda menurut Ketetapan No. 31-4 yang diterima pakai oleh Lembaga Pengelola Kumpulan Wang pada 30 April 1976.

Kebenaran untuk mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang

3. Yang di-Pertuan Agong boleh melalui surat cara yang ditandatangani memberi kuasa kepada orang yang dinamakannya dalam surat cara itu—

- (a) untuk menerima bagi pihak Malaysia Pindaan Kedua kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang yang dilampirkan kepada Laporan Mac 1976 oleh Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengelola Kumpulan Wang; dan
- (b) untuk mendeposit bagi pihak Malaysia dengan Kumpulan Wang suatu surat cara yang menyatakan bahawa Kerajaan, mengikut undang-undang Malaysia, menyanggupi semua kewajipan ahli Kumpulan Wang di bawah Pindaan Kedua

Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang dan bahawa Kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkannya menjalankan semua kewajipan itu.

Perluasan P.U. (A) 505/1969

4. Perintah Perjanjian Bretton Woods 1969 [*P.U. (A) 505/1969*] hendaklah disifatkan merujuk kepada segala hak dan kewajipan berkenaan dengan Akaun Sumber Wang Am, Akaun Pembayaran Khas dan Akaun Pelaburan bagi Jabatan Am Kumpulan Wang di bawah Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang.

Pindaan yang berbangkit kepada Akta 12

5. Subseksyen 5(2) Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Perkara-Perkara Perjanjian) 1969 [*Akta 12*] adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan perkataan “Perkara XXIV” yang terdapat dalam subperenggan (b)(i) dengan perkataan “Perkara XV”; dan
- (b) menggantikan perkataan “Perkara XXVI, Perkara XXX dan Perkara XXXI” yang terdapat dalam subperenggan (b)(iii) dan (iv) dengan perkataan “Perkara XX, Perkara XXIV dan Perkara XXV”.

Pindaan yang berbangkit kepada Akta 519

6. Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*] dipinda dengan—

- (a) menggantikan subseksyen 19(1) dengan subseksyen baru yang berikut—

“(1) The parity of the ringgit shall be determined by the Minister on the recommendation of the Bank in terms either of the currency or currencies of other members of the International Monetary Fund, the Special Drawing Right, the common denominator prescribed by the International Monetary Fund under paragraph 1 of Schedule C to the Articles of Agreement of the International Monetary Fund, or any other denominator

consistent with the obligations of Malaysia under Article IV and Schedule C to the Articles of Agreement of the International Monetary Fund:

Provided that if and when the Bank notifies the International Monetary Fund of the parity of the ringgit upon the International Monetary Fund deciding under the Articles of Agreement to introduce a widespread system of exchange arrangements based on stable but adjustable par values, such parity shall be published in the *Gazette* and shall take effect accordingly.”;

- (b) menggantikan perkataan “Notwithstanding subsection (1), the” yang terdapat dalam subseksyen 19(2) dengan perkataan “The”;
- (c) menggantikan perkataan “mentioned in” yang terdapat dalam subseksyen 19(3) dengan perkataan “gazetted under”;
- (d) menambahkan sebaik selepas subseksyen 19(3) subseksyen baru yang berikut—

“(4) Notwithstanding subsection (1), the Minister may decide on the recommendation of the Bank that it is necessary and expedient for Malaysia not to determine a parity for the ringgit, but instead to apply any exchange arrangement for the ringgit that is not inconsistent with the Articles of Agreement of the International Monetary Fund, including, but not limited to, the severing of the parity of the ringgit to any currency or currencies or any denominator.”;

- (e) menggantikan proviso yang terdapat dalam seksyen 21 dengan proviso baru yang berikut—

“Provided that the rate of exchange quoted for any such transaction shall be consistent with the Articles of Agreement of the International Monetary Fund.”;

- (f) menggantikan perkataan “section 5” yang terdapat dalam subperenggan 30(1)(oo)(iii) dengan perkataan “section 4”; dan

- (g) menambahkan sebaik selepas subperenggan 30(1)(oo)(v) subperenggan baru yang berikut—

“(vi) exchange, if requested by other members of the International Monetary Fund at the time of purchase, balances of Malaysian currency purchased by other members from the International Monetary Fund, or obtained by other members in exchange for currency purchased from the International Monetary Fund, for a freely usable currency (defined in Article XXX (f) of the Articles of Agreement of the International Monetary Fund) selected by the Bank at an exchange rate between the ringgit and that currency as may be consistent with paragraph 7(a) of Article XIX of the Articles of Agreement of the International Monetary Fund;”.

Akta berhubung dengan Akta 472 dan Akta 12

7. Peruntukan Akta Perjanjian Bretton Woods 1957, dan Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Perkara-Perkara Perjanjian) 1969, hendaklah dibaca tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 184

**AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA
(PENGESAHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERKARA-
PERKARA PERJANJIAN) 1977**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

- TIADA -

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 184****AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA
(PENGESAHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERKARA-
PERKARA PERJANJIAN) 1977****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

-TIADA-
